

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (LOKAL)

TARIKH: 23 DISEMBER 2019

MUKA SURAT: 13

Gesa sediakan lokasi khas merokok

Kuala Lumpur: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan meminta semua pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara menyediakan kawasan khas merokok di lokasi yang bersesuaian.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin berkata, arahan itu dibuat bagi menyokong inisiatif Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang mengeluarkan arahan larangan merokok di semua tempat makan awam bermula 1 Januari 2020.

Dalam satu kenyataan yang diedarkan semalam, Zuraida berkata, arahan penyediaan kawasan khas merokok itu akan dilaksanakan secara berperingkat di PBT terpilih.

"Pada 20 Disember lalu, saya sudah merasmikan tapak projek Senario Ampang dan Santai@Ampang Point dan kawasan khas merokok turut disediakan Majlis Perbandaran Ampang Jaya dalam lingkungan jarak tiga meter dari tempat makan awam.

"Penyediaan kawasan merokok ini mematuhi arahan yang ditetapkan KKM," katanya.

Dalam pada itu, Zuraida berkata, perokok diminta tidak membuang puntung rokok merata-rata dan mengamalkan pembuangan sampah di tempat sesuai dan merokok di kawasan yang dibenarkan sahaja.

Beliau turut menggesa PBT melaksanakan penguatkuasaan Undang-Undang Kecil Larangan Pembuangan Sampah ke atas perokok yang membuang puntung rokok merata-rata.



“
Jangan buang
puntung
merata-rata
Zuraida Kamaruddin